

Bab 5

Kesimpulan

Perdagangan candu di rantau ini merupakan satu aspek yang penting dalam pengkajian sejarah ekonomi Malaysia khususnya dalam membincangkan perkembangan British pada abad ke-19 dan dekad-dekad awal abad ke-20. Di sini perkembangan sejarah candu boleh dilihat dalam dua aspek iaitu dari segi kegunaan dan kepentingannya kepada ekonomi Negeri-negeri Melayu Bersekutu amnya dan Selangor khususnya. Satu isu yang menarik di sini adalah dari penggunaan candu pada tempoh tersebut iaitu jika direnung kepada sejarah awal pengkajian penggunaan candu, ia merupakan salah satu sumber yang penting dalam bidang perubatan, tetapi kemudiannya, ia telah berubah kegunaan iaitu lebih kepada suatu barang mewah yang diambil untuk melapangkan diri yang menjadi salah satu amalan buruk masyarakat yang telah ketagih kepadanya, khususnya di kalangan buruh-buruh Cina di lombong-lombong bijih timah seperti di Selangor.

Kepentingan awal komoditi ini kepada British pada peringkat awal sejarahnya adalah sebagai satu eksport yang penting ke China bagi mengimbangi perdagangan di antara kedua-dua kuasa gergasi tersebut. Di sini, candu telah digunakan oleh pedagang-pedagang British sebagai barang dagangan yang akan

ditukar dengan barang keluaran Kepulauan Melayu yang lebih mendapat sambutan di China berbanding dengan barang keluaran mereka.¹ Tetapi menjelang akhir abad ke-19 di Selangor, ia telah menjadi satu bahan yang penting dalam menjanakan ekonomi kerajaan seperti di Negeri-negeri Selat tetapi sumbangannya yang lebih penting lagi adalah dalam penerusan operasi melombong bijih timah. Di sini, candu telah digunakan sebagai satu alat yang akan mengikat buruh-buruh Cina di lombong-lombong bijih timah baik mahupun pendapatan.

Keadaan di kawasan lombong yang daif dengan penyediaan kemudahan dan keperluan hidup yang cukup minimal diikuti dengan tekanan emosi akibat berjauhan dengan keluarga merupakan antara sebab yang membawa kepada pengambilan candu yang berterusan di kalangan buruh-buruh Cina. Namun begitu, dengan upah yang begitu kecil untuk menampung amalan yang begitu mahal sudah tentu akan menyebabkan buruh-buruh ini terus dibebani dengan hutang akibat daripada amalan tersebut; lebih-lebih lagi apabila pemilik lombong telah menyediakan kemudahan kredit dalam penjualan candu. Ini telah menyebabkan buruh-buruh tidak boleh meninggalkan lombong tersebut dan perlu meneruskan kerjanya untuk menjelaskan hutang. Pihak pemilik lombong pula berjaya mengekalkan buruhnya di lombong tersebut dan pada masa yang sama memperolehi keuntungan daripada penjualan candu.

¹ K.G. Tregonning, *A History of Modern Malaya*, Singapore, Eastern Universities Press Ltd., 1964,

Bentuk perdagangan candu di Selangor yang lebih teratur bermula pada pertengahan tahun 1886 apabila sistem pejakan hasil candu telah diperkenalkan untuk menguruskan pengimportan dan penjualan candu. Pada peringkat awal pengamalannya, ia dilihat sebagai satu sistem yang amat berjaya kerana sumbangannya kepada ekonomi negeri. Di satu sudut, kerajaan boleh menambahkan pendapatan negeri apabila harga sewa pajakan hasil menjadi semakin tinggi akibat pertambahan bilangan orang yang bersaing untuk mendapatkan hak istimewa tersebut. Pada sudut yang lain pula, ia telah berjaya menarik lebih banyak pelaburan dari luar kerana pemajak -pemajak hasil termasuk pemajak hasil candu yang melabur boleh memperolehi keuntungan dari segi pertambahan dari segi pengeluaran dalam sektor ekonomi yang mereka ceburi dengan adanya buruh yang ramai yang turut menyumbang dari segi penggunaan candu, pengambilan arak, perjudian dan aktiviti-aktiviti lain menerusi sistem pajakan hasil.²

Tahun-tahun permulaan pengenalan sistem ini sehingga dekad pertama abad ke-20 boleh dikatakan sebagai zaman kegemilangan sistem pajakan hasil candu kerana sumbangannya, manakala dasar British pada masa tersebut yang hanya mementingkan sektor perlombongan bijih timah di mana segala langkah kerajaan yang dijalankan bertujuan untuk memastikan pengeluaran bijih timah yang berterusan

² J. Butcher, "Revenue Farming and the Changing State in Southeast Asia" dalam J. Butcher dan H. Dick (eds.), *The Rise and Fall of Revenue Farming: Business Elites and the Emergence of Modern State in Southeast Asia*, New York, St. Martin's Press, 1993, hlm. 26.

untuk kepentingan ekonomi mereka di England. Pada peringkat ini, pihak British telah menggunakan sistem pajakan hasil cандu dan perniagaan lain menerusi sistem yang sama untuk menggalakkan pelaburan modal Cina dalam sektor ini. Yap Ah Shak, Kapitan Cina kedua di Kuala Lumpur merupakan pemilik lombong bijih timah di Kuala Lumpur dan juga pemegang lesen *Selangor Coast Chandu Farm* yang terpenting.

Bibit-bibit perubahan dasar British telah dirasai pada akhir tahun-tahun abad ke-19 apabila dasar British mula memperlihatkan perubahan. Mulai tempoh ini, dapat disaksikan kenaikan bilangan kapitalis-kapitalis British dalam pelbagai sektor ekonomi di negeri-negeri Melayu. Dalam sektor perlombongan bijih timah, dapat disaksikan kapitalis-kapitalis British telah mengambil alih sektor ini yang dimonopolikan oleh kapitalis Cina. Antara satu fenomena yang boleh dikesan pada tempoh ini adalah cандu dijadikan salah sejenis alat untuk mencapai tujuan British iaitu dengan penyekatan terhadap perniagaan cандu, sedikit demi sedikit kapitalis Cina telah dipaksa untuk meninggalkan sektor ekonomi yang diceburinya kerana kebergantungan mereka kepada cандu untuk menjalankan aktiviti ekonomi mereka telah terganggu. Walaupun begitu, yang harus diberi perhatian di sini ialah faktor cандu bukanlah satu-satunya faktor yang telah menyebabkan hilangnya dominasi kapitalis-kapitalis Cina dalam sektor ini; kenaikan kapitalis-kapitalis British sebenarnya turut disokong oleh keadaan dalam sektor perlombongan bijih timah pada

tempoh tersebut di mana bilangan bijih timah di kawasan permukaan tanah yang semakin berkurangan. Ini menyebabkan teknik yang lebih berteknologi tinggi daripada kaedah perlombongan orang Cina diperlukan dan ia hanya mampu digunakan oleh kapitalis British di samping sokongan yang diterima oleh mereka dari pihak pentadbir British. Sebab ini telah diakui oleh Wong Lin Ken dalam penerangan mengenai kenaikan syarikat perlombongan bijih timah Barat yang menggantikan penyertaan dan dominasi pelombong Cina.³

Satu lagi cara yang paling berkesan adalah menerusi penghapusan sistem pajakan hasil candu, di Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada 31 Disember 1910 dan diambilalih dengan sistem monopoli kerajaan pada 1 Januari 1911. Penghapusan sistem ini boleh dikatakan sebagai satu langkah yang diambil oleh British untuk memaksa kapitalis Cina keluar daripada sektor yang mereka ceburi selama ini khususnya sektor perlombongan bijih timah. Bagi Trocki, beliau melihat penghapusan sistem ini sebagai:

“...not just a matter of administrative rationalism or embarrassment about a blatantly exploitative system. It signaled a substantive change in the fundamental relations of the Chinese community. The essence of that change was the separation of political relations within Malayan and Singaporean Chinese society.”⁴

³ Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914: With Special Reference to the States of Perak, Selangor, Negri Sembilan and Pahang*, Tucson, University of Arizona Press, 1965, hlm. 211-21.

⁴ C. A. Trocki, *Opium and Empire: Chinese Society in Colonial Singapore, 1800-1910*, Ithaca, Cornell University Press, 1990, hlm. 216.

Ini bermakna penghapusan sistem pajakan hasil bukan sahaja meninggalkan kesan dalam bentuk pemilikan ekonomi, ia sebenarnya turut membawa kesan dalam bentuk perubahan struktur masyarakat Cina. Terdapat juga sebilangan daripada kapitalis-kapitalis Cina yang sebelum ini terlibat dalam pajakan hasil cандu yang telah berpindah sektor seperti dalam perkапalan, perbankan dan hартанah dengan modal yang mereka perolehi daripada keuntungan yang dikaut semasa dalam sektor perniagaan cанду tersebut.⁵ Ini bermakna perdagangan cанду secara tidak langsung turut menyumbangkan peranannya dalam melahirkan kapitalis Cina untuk menceburι bidang-bidang ekonomi lain yang menguntungkan selepas perdagangan cанду kehilangan popularitinya.

Tindakan menghapuskan sistem ini sebenarnya perlu dilihat sebagai satu permulaan baru dalam dasar British untuk menyelesaikan masalah dalam perdagangan cанду, khususnya apabila isu penggunaan dan perdagangan cанду mula mendapat perhatian antarabangsa yang mengkritiknya dari segi moral. Walaupun ia tidak mencapai kejayaan seperti mana yang diharapkan semasa ia masih di tahap perancangan tetapi ia sedikit sebanyak turut memberi sumbangannya. Misalnya, penglibatan kerajaan dalam perdagangan cанду telah berjaya mengurangkan bilangan

⁵ Ibid., hlm. 233-4.

premis yang menjalankan perniagaan *chandu* dan bilangan penghisap *chandu* akibat daripada kenaikan harga *chandu*.

Satu lagi perkara yang harus diberi perhatian di sini bahawa tindakan perubahan dasar British terhadap perdagangan candu bukanlah berpunca sepenuhnya daripada kehendak idea Imperialisme British tetapi ia sedikit sebanyak mempunyai perkaitannya dengan situasi dunia pada tempoh tersebut. Awal abad ke-20 memang menyaksikan kepada kemunculan perjuangan untuk menghapuskan perdagangan dan penggunaan candu yang telah dibawa ke persidangan yang bertaraf antarabangsa. Amerika Syarikat telah memulakan pengkajian mereka untuk meninjau langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah candu di Filipina pada tahun 1903 dan berjaya menghapuskannya pada tahun 1906. Pada tahun yang sama, persetujuan juga telah dicapai di antara kerajaan British dengan China dalam usaha untuk membanteras masalah ini dalam tempoh sepuluh tahun. Pada tahun yang sama, Parlimen British telah memegang pendiriannya dalam usaha untuk menangani masalah candu dan satu jawatankuasa telah dibentuk untuk meninjau isu penggunaan candu di Tanah Melayu dan langkah yang sesuai untuk menyelesaikannya.⁶

Usaha yang lebih serius di peringkat antarabangsa dalam mencari jalan penyelesaian kepada isu candu boleh disaksikan menerusi persidangan seperti *The*

⁶ *Ibid.*, hlm. 210-3.

Hague Conference of 1912 dan juga *The Geneva Opium Conferences of 1924-5.*⁷ Di Tanah Melayu, usaha untuk melaksanakan resolusi persidangan pada tahun 1912 ini boleh disaksikan menerusi penerimaan resolusi di *The Versailles Peace Treaty* yang telah melantik *The League of Nations* untuk memikul tanggungjawab tersebut dan pihak kerajaan British di Tanah Melayu telah diminta untuk menyediakan kertas cadangan untuk dibawa ke liga tersebut.⁸

Namun begitu, kesan yang paling ketara yang boleh didapati daripada perdagangan candu yang dibawa oleh British telah melahirkan sekelompok besar golongan kelas buruh Cina yang menjadi mangsa ketagihan candu. Ia boleh dilihat sebagai satu cabaran kepada sistem norma-norma budaya masyarakat Cina di Tanah Melayu. Ketagihan mereka kepada candu telah menyebabkan mereka sanggup melakukan apa sahaja untuk mendapatkan candu. Bagi mereka yang sudah berkeluarga, mereka sanggup mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai ketua keluarga, menghabiskan sebahagian besar daripada pendapatannya untuk mendapatkan candu. Bagi yang tidak berkeluarga pula, mereka terus menghabiskan seluruh pendapatannya hanya kerana candu dan melupai tujuan kedatangan mereka ke Tanah Melayu, iaitu untuk mencari kekayaan untuk dibawa pulang ke negara asal. Dalam situasi yang lebih serius, ada di kalangan mereka yang telah melakukan

⁷ V. Purcell, *The Chinese in Malaya*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1967, hlm. 189.

⁸ Milner kepada Gov. A. H. Young, 31 July 1919, HCOF, 1768/1919.

jenayah seperti mencuri hanya untuk mendapatkan wang untuk menampung tabiat buruk ini.

Kesan inilah yang membawa kepada penglibatan pertubuhan-pertubuhan seperti *Selangor Anti-Opium Society* (SAOS) dan *The Chinese Young Men Society* untuk melibatkan diri dalam pergerakan menentang penggunaan candu khususnya di negeri-negeri Melayu. Misalnya dalam petisyen yang dihantar bersama oleh beberapa cawangan *The Chinese Young Men Society*, perkara yang diseru oleh mereka adalah tindakan keras oleh kerajaan untuk mengharamkan keseluruhan penggunaan candu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu kerana hanya kerajaan sahaja yang dapat menyelesaikan masalah ini. Ini kerana keadaan ketagihan di kalangan penghisap candu telah menyebabkan kehidupan mereka kian tidak teratur; keluarga mereka sentiasa kelaparan dan taraf hidup mereka menjadi semakin buruk.⁹

Adalah SAOS yang memainkan peranan yang lebih dominan dalam usaha untuk menyelesaikan masalah penggunaan candu di kalangan masyarakat Cina. Ini boleh dilihat daripada resolusi-resolusi yang dicadangkan oleh mereka kepada pihak kerajaan seperti resolusi daripada mesyuarat-mesyuarat mereka, resolusi daripada persidangan mereka dengan cawangan-cawangan lain pertubuhan tersebut di Ipoh dan

⁹ The Chinese Young Men Societies kepada HC FMS, 9 July 1919, HCOF, 1622/1919.

juga dari segi kesungguhan mereka untuk mencari jalan untuk membanteras gejala menghisap candu di rumah-rumah perlacuran.

Kesan pengambilan candu di peringkat yang lebih serius boleh dilihat dari akibat pengambilan *chandu dross* ataupun yang popular adalah menghisap candu di rumah-rumah perlacuran. Bagi pengguna *chandu dross*, pengambilan *chandu* dalam bentuk yang lebih membahayakan kesihatan akan menyebabkan mereka terpaksa menanggung penderitaan akibat penggunaan *chandu* dalam bentuk ini. Masalah ini pula tidak dapat diselesaikan dengan efektif kerana penggunaannya adalah diakibatkan oleh dasar yang diambil oleh British iaitu dalam menaikkan harga *chandu* tulin dan aktiviti penyeludupan juga menjadikan tindakan kerajaan untuk membeli *chandu dross* tidak dapat dihapuskan. Penggunaan *chandu* di rumah-rumah pelacuran telah dikritik kerana ia menggabungkan dua elemen yang tidak sihat iaitu melanggani pelacur yang merupakan satu tindakan menggugat kesejahteraan keluarga dan menggalakkan lagi pengambilan *chandu*.

Didapati bahawa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menangani isu ini tidak kurang menariknya. Di satu keadaan, pihak British nampaknya bersungguh-sungguh mencari jalan untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah candu di Tanah Melayu, tetapi di satu segi yang lain pula, mereka tidak sanggup untuk menghapuskannya kerana berpandangan bahawa perdagangan

candu masih diperlukan dalam menyumbang kepada ekonomi di kawasan ini. Ini bermakna kejujuran mereka dalam menjalankan pelbagai langkah sebelum tahun 1920 boleh dipersoalkan kerana mereka sebenarnya mampu untuk mengatasi masalah ini jika mereka benar-benar ingin dan jujur untuk merealisasikannya.

Akhir kata, perdagangan candu memang memainkan peranan yang penting dalam ekonomi di Tanah Melayu. Ia telah membantu menjadikan Singapura sebuah pelabuhan bebas yang masyhur dan penting; menjadikan Johor sebagai negeri pengeluar lada hitam dan gambir yang penting di bawah pengurusan sistem *kangcu* dan mengembangkan sektor perlombongan bijih timah di negeri-negeri pengeluar bijih timah seperti Selangor. Dengan kata lain, perdagangan candu ini tidak boleh diabaikan sekiranya ingin membincangkan sejarah ekonomi Tanah Melayu, lebih-lebih lagi dalam perbincangan sejarah industri perlombongan bijih timah.

Lampiran

Lampiran I

Statistik Candu Yang Digunakan dan Hasil Pendapatan Yang Diperolehi Menerusi Penjualan Candu di Selangor, 1896-1905

| Tahun | Bilangan Peti | Hasil Pendapatan daripada Candu Mentah (\$) | Hasil Pendapatan daripada Candu Masak (\$) | Jumlah (\$) |
|-------|---------------|---|--|--------------|
| 1896 | 1396 | 422 500.00 | 65 490.00 | 487 990.00 |
| 1897 | 1378 | 447 500.00 | 64 880.00 | 512 380.00 |
| 1898 | 1435 | 524 160.00 | 65 880.00 | 589 840.00 |
| 1899 | 1673 | 661 920.00 | 76 383.88 | 738 303.88 |
| 1900 | 1677 | 845 325.00 | 70 871.96 | 916 196.96 |
| 1901 | 1644 | 789 946.25 | 81 720.00 | 871 666.25 |
| 1902 | 1680 | 810 460.00 | 83 856.00 | 894 316.00 |
| 1903 | 1605 | 863 437.50 | 83 390.00 | 946 827.50 |
| 1904 | 1399 | 785 918.50 | 90 234.00 | 876 152.50 |
| 1905 | 1578 | 884 875.00 | 90 072.00 | 974 947.00 |
| Total | 15 465 | 7 036 042.00 | 772 577.84 | 7 808 620.09 |

Sumber: Diubahsuai daripada Return of Opium Consumed and of Revenue Derived therefrom in each State of FMS during the Last 10 years, 31 Oktober 1906, HCOF, 1043/1906.

Lampiran II

Appendix A. Statistics

261

(o) Revenue of the Federated Malay States, 1875-1914 (Figures in Straits Dollars)

| Year | Perak | Selangor | Negri Sembilan | Pahang |
|------|------------|------------|----------------|-----------|
| 1875 | 226,333 | 115,656 | 67,405 | |
| 1876 | 273,043 | 193,476 | 94,478 | |
| 1877 | 312,872 | 226,853 | 97,707 | |
| 1878 | 328,608 | 189,897 | 75,898 | |
| 1879 | 388,372 | 184,387 | 76,632 | |
| 1880 | 582,496 | 215,614 | 83,800 | |
| 1881 | 692,861 | 235,227 | 97,665 | |
| 1882 | 905,385 | 300,423 | 109,412 | |
| 1883 | 1,474,330 | 450,664 | 117,144 | |
| 1884 | 1,532,497 | 494,483 | 121,175 | |
| 1885 | 1,522,064 | 566,411 | 120,214 | |
| 1886 | 1,688,276 | 689,401 | 123,364 | |
| 1887 | 1,827,476 | 1,153,896 | 161,355 | |
| 1888 | 2,016,240 | 1,417,998 | 223,433 | |
| 1889 | 2,776,583 | 1,828,427 | 377,600 | 30,390 |
| 1890 | 2,504,116 | 1,888,928 | 384,944 | 62,077 |
| 1891 | 2,324,981 | 1,825,585 | 344,385 | 77,386 |
| 1892 | 2,689,565 | 2,135,448 | 472,132 | 50,044 |
| 1893 | 3,034,093 | 2,765,351 | 530,002 | 83,688 |
| 1894 | 3,542,114 | 3,334,468 | 535,007 | 100,220 |
| 1895 | 4,033,611 | 3,805,211 | 535,442 | 106,743 |
| 1896 | 3,960,871 | 3,756,936 | 555,329 | 160,947 |
| 1897 | 3,837,558 | 3,688,390 | 592,546 | 198,193 |
| 1898 | 4,375,842 | 3,862,439 | 701,334 | 244,862 |
| 1899 | 6,379,740 | 5,446,305 | 1,085,015 | 375,350 |
| 1900 | 7,636,126 | 6,303,165 | 1,251,366 | 419,150 |
| 1901 | 8,532,594 | 6,544,796 | 1,669,353 | 794,764* |
| 1902 | 10,320,774 | 7,978,736 | 1,832,722 | 418,311 |
| 1903 | 11,667,323 | 8,457,622 | 2,130,706 | 416,916 |
| 1904 | 11,332,272 | 8,241,766 | 2,223,014 | 458,226 |
| 1905 | 12,242,897 | 8,857,793 | 2,335,535 | 528,368 |
| 1906 | 14,282,484 | 9,803,184 | 2,487,090 | 650,718 |
| 1907 | 13,392,068 | 10,514,654 | 2,265,604 | 621,425 |
| 1908 | 13,462,714 | 8,538,550 | 1,807,533 | 814,528 |
| 1909 | 13,647,474 | 8,889,651 | 1,806,999 | 902,740 |
| 1910 | 14,229,799 | 9,238,545 | 2,066,373 | 1,017,801 |
| 1911 | 19,081,190 | 12,330,045 | 2,512,062 | 1,133,307 |
| 1912 | 23,232,724 | 14,848,158 | 2,838,602 | 1,728,003 |
| 1913 | 23,970,058 | 15,561,395 | 3,071,799 | 1,729,459 |
| 1914 | 19,338,374 | 13,833,879 | 2,580,617 | 1,557,072 |

*Includes an exceptional special credit of \$136,204

Source: *Manual of Statistics Relating to the Federated Malay States for 1920*.

Sumber: Appendix (O), Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914: With Special Reference to the States of Perak, Selangor, Negri Sembilan and Pahang*, Tucson, University of Arizona Press, 1965, hlm.261

Lampiran III

256

The Malayan Tin Industry to 1914

(k) *Opium Imported into the Federated Malay States, 1876-1914*
(Figures in Chests of Opium)

| Year | Perak | Selangor | Negri Sembilan | Pahang | Total |
|------|-------|----------|----------------|--------|-------|
| 1876 | 223 | | | | |
| 1877 | 260 | | | | |
| 1878 | 329 | | | | |
| 1879 | 413 | | | | |
| 1880 | 499 | | | | |
| 1881 | 636 | 112 | | | |
| 1882 | 628 | 375 | | | |
| 1883 | 834 | 472 | | | |
| 1884 | 817 | 511 | | | |
| 1885 | 681 | 581 | | | |
| 1886 | 852 | 675 | | | |
| 1887 | 1,424 | 1,341 | | | |
| 1888 | 1,536 | 1,238 | | | |
| 1889 | 1,419 | 1,155 | | | |
| 1890 | 1,491 | 1,137 | | 24 | |
| 1891 | 1,648 | 1,290 | | 27 | |
| 1892 | 1,673 | 1,681 | | 26 | |
| 1893 | 1,839 | 1,395 | | | |
| 1894 | 1,811 | 1,693 | | | |
| 1895 | 1,645 | 1,421 | | | |
| 1896 | 1,433 | 1,396 | 263 | 122 | 3,214 |
| 1897 | 1,503 | 1,378 | 266 | 121 | 3,268 |
| 1898 | 1,649 | 1,435 | 287 | 101 | 3,472 |
| 1899 | 1,808 | 1,673 | 418 | 123 | 4,022 |
| 1900 | 2,168 | 1,677 | 437 | 119 | 4,401 |
| 1901 | 2,177 | 1,644 | 506 | 139 | 4,466 |
| 1902 | 2,432 | 1,680 | 503 | 155 | 4,770 |
| 1903 | 2,232 | 1,605 | 536 | 156 | 4,529 |
| 1904 | 2,056 | 1,399 | 587 | 187 | 4,229 |
| 1905 | 2,350 | 1,578 | 592 | 215 | 4,735 |
| 1906 | 2,558 | 1,765 | | 224 | |
| 1907 | 2,374 | 1,792 | 552 | 210 | 4,928 |
| 1908 | 1,930 | 1,519 | 412 | 236 | 4,097 |
| 1909 | 1,517 | 942 | 319 | 166 | 2,944 |
| 1910 | 357 | 374 | 102 | 156 | 989 |
| 1911 | 1,216 | 205 | 310 | 137 | 2,468 |
| 1912 | 1,213 | 815 | 267 | 154 | 2,449 |
| 1913 | 1,093 | 722 | 242 | 131 | 2,188 |
| 1914 | 856 | 560 | 182 | 122 | 1,720 |

Sources: Figures for 1876 to 1895 from *An Rep. Perak, 1876 to 1895*, *An Rep. Selangor 1881 to 1895*, *An. Rep. Pahang, 1890 to 1892*; those for 1896 to 1903 inclusive from *Return of the Amount of Opium Consumed and the Revenue Derived therefrom in the Straits Settlements and the Federated Malay States during the Years 1896 to 1903* (Cd.3287); H.C. (1904), LVII, those for 1904 to 1910 inclusive from *An Rep. Perak 1904 to 1910*, *An. Rep. Selangor 1905 to 1910*, *An. Rep. Pahang 1906 to 1910*; those for 1911 to 1914 from *Use of Opium Brit. Malaya Proc. Comm. Enquiry, 1924*.

Notes: In the period before 1895, the figures for each state were often irregularly compiled. Sometimes, the annual quantity and the aggregate value of the opium imports were given together, and sometimes only the value. In the latter instances, the quantity of opium imported was obtained by dividing the aggregate value of the opium imports of, say, Perak, by the average import value per chest of opium imported into, say, Selangor, for which both the figures for the year were available.

Sumber: Appendix (k), Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, hlm. 256.

Lampiran IV

Appendix A. Statistics

257

(l) *Average Import Price of Opium Imported into Perak and Selangor, 1876-1910 (Figures in Straits Dollars per Chest of Opium)*

| Year | Perak | Selangor | Average for Both |
|------|-----------|-----------|------------------|
| 1876 | \$ 595.61 | | |
| 1877 | 563.10 | | |
| 1878 | 573.37 | | |
| 1879 | 588.49 | | |
| 1880 | 683.33 | | |
| 1881 | 622.37 | \$ 622.37 | \$ 622.37 |
| 1882 | 646.11 | 646.11 | 646.11 |
| 1883 | 549.87 | 549.87 | 549.87 |
| 1884 | 575.00 | 575.00 | 575.00 |
| 1885 | 775.76 | 775.76 | 775.76 |
| 1886 | 767.98 | 767.98 | 767.98 |
| 1887 | 539.00 | 539.00 | 539.00 |
| 1888 | 681.94 | 772.44 | 727.19 |
| 1889 | 522.77 | 790.77 | 656.77 |
| 1890 | 506.70 | 778.82 | 642.76 |
| 1891 | 485.13 | 483.92 | 484.52½ |
| 1892 | 550.28 | 550.28 | 550.28 |
| 1893 | 570.40 | 589.82 | 580.11 |
| 1894 | 654.66 | 691.74 | 678.20 |
| 1895 | 764.23 | 764.23 | |
| 1896 | 750.01 | 763.57 | 756.79 |
| 1897 | 682.06 | 683.54 | 682.80 |
| 1898 | 744.73 | 717.59 | 731.16 |
| 1899 | 816.31 | 840.75 | 828.53 |
| 1900 | 976.67 | 958.88 | 967.77½ |
| 1901 | 914.10 | 731.86 | 822.98 |
| 1902 | 886.32 | 897.80 | 892.06 |
| 1903 | 1,036.81 | 990.48 | 1,013.64½ |
| 1904 | 1,104.06 | 1,115.68 | 1,109.87 |
| 1905 | 1,157.31 | 1,075.74 | 1,116.52½ |
| 1906 | 751.89 | 793.95 | 772.92 |
| 1907 | 792.25 | 811.84 | 802.04½ |
| 1908 | 794.82 | 800.62 | 797.72 |
| 1909 | 846.30 | 841.73 | 844.01½ |
| 1910 | 1,740.25 | 1,541.91 | 1,641.08 |

Sources: Derived from the sources cited in Table (k) in this Appendix.

Sumber: Appendix (l), Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, hlm. 257.

Lampiran V

Lesen Penjualan *Chandu* Secara Borong dan Kedai Menghisap *Chandu*

(Chandu 22)

FEDERATED MALAY STATES.

1150

Form B (On and Off Licence).

LICENCE TO SELL BY RETAIL GOVERNMENT CHANDU AND TO KEEP A PUBLIC
CHANDU-SMOKING SHOP.

("The Opium and Chandu Enactment, 1910.")

Licence is hereby granted to
trading under the style of
to sell Government chandu by retail at the premises hereinafter specified and to keep a public
chandu-smoking shop on the said premises.

The premises shall not be open to the public nor shall any chandu be sold or consumed
thereon except between the hours of 7 a.m. and 10 p.m.

Not more than persons shall be permitted to be in or upon the
premises at any one time.

This licence is subject to the provisions of "The Opium and Chandu Enactment, 1910,"
and of all rules made thereunder and to the further conditions endorsed hereon.

This licence commences on the day of 19 , and
expires on the 30th June, 19

Situation and description of licensed premises

Fee received s

Dated this day of 19 at

.....
Superintendent.

Sumber: SSF, 1954/1912.

Lampiran VI

Notis Tawaran Tender untuk Opium Revenue Farm

OPIUM REVENUE FARM.

Tenders will be received at the Government Secretary's Office, Kuala Lumpur, up to noon on the 13th day of August, 1897; for the exclusive right of collecting, for a period of two years from 1st January, 1898, a duty of eight dollars a bull on all opium imported into the State, and in addition a fee at the rate of one dollar and sixty cents a chust for passing opium for importation; under the "Revenue Farms Regulation, 1895."

2. Tenders must be addressed to the Government Secretary, Selangor; must be on printed forms, which may be obtained on application to the Government Secretary's Office, Kuala Lumpur, and must be sealed and marked on the outside envelope, "Tender for Opium Import Duty Farm."

3. Each tender must specify in full the names, residences, and occupations of the persons tendering, and in the case of firms the names and address of each partner and the name "shop" of the firm must be specified.

4. The security required is a deposit of a sum equal to three months' rent, or a mortgage of approved land or house property to the value of not less than four months' rent.

5. The Government does not bind itself to accept the highest or any tender, and reserves to itself the right of making any arrangements which it may deem advisable in regard to the letting of the farm.

6. The conditions and rules under which the farm will be let and any other information required may be obtained at the Office of the Government Secretary, Kuala Lumpur.

19th May, 1897.

署
理
事
會
總
政
使
司
英
唐
一千八百九十七年五月十八日
示

出不曉給各色人等知悉事照得現在本州府公班衙招人投標永充鴉片場入口之鴉其票限收至英一千八百九十七年八月十三號即庚丁酉年七月十六日正午止截如欲投標者可到本公司衙門時取格式紙照式填寫寄交本公司衙門收存此鴉乃係鴉片場入口抽稅之鴉係依一千八百九十五年所設鴉鴉律例所有鴉片場入本州府者每抽抽銀八元另每箱給印費用銀一元六角此鴉限以兩年為期由英一千八百九十八年正月一號即庚丁酉年十二月初九日起二凡所投之票內必要寫明投標人之姓名住址事項如係店舖則要寫明其招牌足何字號及各作之姓名作此其票外亦要寫明係投鴉片場抽稅之票乃用拆封固審交本公司衙門收存三凡投得此鴉者必要繳納銀洞如係現銀須三個月鴉銀之新舊係田地屋契期要領四個月西銀之新其票價低保任由公班衙取不收後價高者得之說以圖爭奪或強索而不取亦可以另旨辦理五凡投標之人皆要知其詳細及投標之章程者請到本公司寫字樓查詢可也

Sumber: SSF, 2369/1897